



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

NAMA KURSUS : KEUSAHAWANAN
KOD KURSUS : ETR 3013
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020
MASA : 6 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana-mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
5. Tulis butiran anda sepetimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGNI 11 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada kertas jawapan.

1. Beliau melihat usahawan dari sudut fungsi dan peranan usahawan sebagai individu atau kumpulan yang memikul tanggungjawab untuk menentukan jenis perniagaan, bentuk barang dan perkhidmatan. Beliau yang dimaksudkan ialah _____.
A H Evan
B H.K Evan
C H.G. Evans
D Richard Cantillon

2. Manakah antara berikut ciri usahawan yang mampu berdaya saing dan boleh berjaya?
A Bertanggungjawab, berwawasan dan bertubuh sasa.
B Bertanggungjawab, berkeyakinan dan mampu berjenaka.
C Berwawasan, berkeupayaan mengurus dan menilai pencapaian.
D Berorientasikan maklum balas, menilai pencapaian dan tidak suka persaingan.


3. Apakah kelebihan memiliki sesebuah perniagaan?
A Berpeluang menjadi terkenal.
B Dapat mempelajari selok-belok perniagaan.
C Dapat melakukan perubahan yang lebih baik.
D Boleh menjatuhkan orang lain melalui persaingan yang kurang sihat.

4. Berikut adalah empat (4) langkah dalam mengenal pasti, mengkaji dan memilih peluang perniagaan **kecuali**
A Memilih peluang perniagaan yang wujud.
B Mengenal pasti keperluan dan kehendak pelanggan.
C Menilai data-data yang tiada kaitan dengan perniagaan.
D Menganalisis persekitaran, penilaian diri dan nilai masyarakat.

5. Manakah antara berikut yang berkaitan dengan keperluan?
- A Keinginan peribadi manusia.
B Berbeza mengikut taraf hidup.
C Tuntutan semulajadi manusia.
D Sukar dipenuhi dan tidak terhad.
6. Berikut adalah bentuk-bentuk perniagaan yang boleh didaftarkan **kecuali**
- A Perkongsian.
B Milikan kekal.
C Milikan tunggal.
D Syarikat berhad.
- 7.
- Mudah diurus
 - Mudah dikawal
- Pernyataan 1**
- Berdasarkan pernyataan 1, apakah jenis milikan perniagaan tersebut?
- A Koperasi.
B Perkongsian.
C Milikan tunggal.
D Perbadanan awam.
8. Berikut adalah perlindungan hak perniagaan **kecuali**
- A Paten.
B Hakcipta.
C Cap Perniagaan.
D Kualiti Alam Sekitar.
9. Apakah yang dimaksudkan dengan rancangan perniagaan?
- A Dokumen perjanjian antara peniaga dan pelanggan.
B Perniagaan yang mampu untuk memantau tindakan pesaing.
C Perniagaan yang mempunyai lokasi strategi dan tumpuan pelanggan.
D Dokumen bertulis yang menceritakan keseluruhan perniagaan dan kewangan.

10. Manakah antara berikut **bukan** keperluan rancangan perniagaan?
- A** Operator.
 - B** Pembekal.
 - C** Usahawan.
 - D** Institusi kewangan.
11. Kaedah pengumpulan data rancangan perniagaan melalui media cetak dan elektronik dikenali sebagai
- A** data primer.
 - B** data sekunder.
 - C** data temuramah.
 - D** data penyelidikan.
12. Apakah sumber yang diperlukan untuk menjalankan sebuah perniagaan?
- A** Pemilikan.
 - B** Kakitangan.
 - C** Surat kuasa.
 - D** Tenaga kerja.
13. Aktiviti memformula polisi syarikat dan prosedur bagi memastikan objektif dan misi syarikat tercapai merujuk kepada fungsi pengurusan
- A** pengarahan.
 - B** pengawalan.
 - C** perancangan.
 - D** pengorganisasian.

14.

**Gambar rajah 1**

Berdasarkan gambar rajah 1, apakah jenis struktur organisasi tersebut?

- A** Organisasi ikut fungsi.
- B** Organisasi ikut wilayah.
- C** Organisasi ikut masa kerja.
- D** Organisasi ikut bilangan pekerja.

15.

Sekumpulan pelanggan yang disasarkan untuk produk atau perkhidmatan bagi sesebuah perniagaan.

Pernyataan 2

Apakah istilah yang sesuai dengan pernyataan 2?

- A** Pemasaran.
- B** Saiz pasaran.
- C** Segmen pasaran.
- D** Sasaran pasaran.

16. Pengurus pemasaran sebuah restoran telah membuat segmen pasarnya kepada dua iaitu segmen untuk orang dewasa dan kanak-kanak. Apakah kategori segmen pasaran ini?

- A** Aktiviti.
- B** Geografi.
- C** Demografi.
- D** Psikografik.

17. Restoran Selera Maju berjaya membuat jualan sebanyak RM70 000 sebulan. Kos operasi sebulan bagi restoran tersebut ialah RM40 000. Berapakah indeks produktiviti Restoran Selera Maju?

- A** 1.65
- B** 1.75
- C** 1.70
- D** 1.55

18. Manakah antara berikut merujuk kepada buruh langsung di restoran?

- A** Pelayan.
- B** Penyelia.
- C** Juruwang.
- D** Tukang masak.

19. Sebuah Perodua Myvi dibayai dengan ansuran sewa beli seperti berikut:

Jumlah pembiayaan :	RM 20 000
Kadar :	5%
Jangka masa :	5 tahun
Kaedah :	Kadar tetap

Berapakah baki semasa (pokok) Perodua Myvi tersebut di penghujung tahun kedua?

- A** RM 1,000
- B** RM 5,000
- C** RM 12,000
- D** RM 16,000

20. Berikut adalah elemen aliran tunai masuk **kecuali**

- A** Jualan aset.
- B** Bayaran deposit.
- C** Sumbangan modal.
- D** Pinjaman yang diperolehi.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

SOALAN 1

a) Berikan definisi berikut:

- | | |
|----------------|------------|
| i. Usahawan | (2 markah) |
| ii. Kehendak | (2 markah) |
| iii. Pemasaran | (2 markah) |

b) Terangkan **dua (2)** faktor persekitaran luar yang mempengaruhi sesebuah perniagaan.

(4 markah)

SOALAN 2

a) Bandingkan antara buruh langsung dan buruh tidak langsung berserta contoh

(4 markah)

b) Klasifikasikan **tiga (3)** sumber pembiayaan dalam perniagaan.

(6 markah)

SOALAN 3

Terangkan **lima (5)** kesilapan yang sering dilakukan oleh usahawan yang mengakibatkan perniagaan sering menemui kegagalan.

(10 markah)

SOALAN 4

En Samad ingin menjalankan perniagaan seorang diri kerana beliau ingin menguruskan perniagaannya sendiri. Namun, beliau tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam untuk menubuhkan perniagaan. Sebagai seorang konsultan perniagaan, anda diberi tanggungjawab untuk membantu En Samad yang ingin menubuhkan perniagaannya.

- a) Nyatakan **tiga (3)** jenis perniagaan yang boleh diwujudkan.

(3 markah)

- b) Huraikan **dua (2)** ciri perniagaan.

(6 markah)

SOALAN 5

- a) Terangkan **empat (4)** fungsi pengurusan di dalam perniagaan.

(8 markah)

- b) Lakarkan struktur organisasi berdasarkan masa kerja.

(3 markah)

SOALAN 6

Jadual 1 menunjukkan perniagaan, risiko dan pulangan.

PERNIAGAAN	RISIKO	PULANGAN
GERAI MAKANAN	Rendah	Rendah
PASARAYA	Sederhana	Sederhana
HOTEL	Tinggi	Tinggi

Jadual 1

Berdasarkan Jadual 1:

- a) Huraikan hubungan risiko dan pulangan bagi setiap perniagaan di atas.

(6 markah)

- b) Terangkan maksud barang dan perkhidmatan.

(4 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

SOALAN 1

Pak Abu telah membeli sebuah van untuk tujuan perniagaan. Van tersebut telah dibiayai dengan ansuran sewa beli seperti Jadual 2.

Jumlah pembiayaan	RM 70,000
Kadar	8%
Jangka masa	10 tahun
Kaedah	Tahunan berkurangan

Jadual 2

Sediakan jadual bayaran balik ansuran sewa beli.

(10 markah)

SOALAN 2

Jadual 3 ialah maklumat bajet kewangan untuk Kedai SMART bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019:

Bil	Perkara	Kos (RM)
1	Bekalan pejabat	10,000
2	Perjalanan dan pengangkutan	30,000
3	Bil elektrik dan air	120,000
4	Gaji dan upah	630,340
5	Pengiklanan	50,100
6	Jualan	1,732,000
7	Kos barang dijual	230,000
8	Komisyen dan bonus jualan	20,500
9	Faedah pinjaman	10,000
10	Faedah sewabeli	10,820

Jadual 3

Nota tambahan: Kadar cukai adalah 30% ke atas untung sebelum cukai.

Berdasarkan maklumat di atas, sediakan Proforma Penyata Untung Rugi bagi Kedai SMART bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

(10 markah)

[20 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**